

Syor Ikram jaga soal alam sekitar

SHAH ALAM: Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo mahu Kumpulan Ikram Sdn Bhd (Ikram) menjadi penguat kuasa alam sekitar, khususnya pembangunan di kawasan sensitif.

Ini berikutan kurangnya pegawai di pihak berkuasa tempatan (PBT) yang berkemahiran dalam aspek teknikal dan kebanyakan pegawai PBT tidak memahami undang-undang berkaitan alam sekitar menyebabkan mereka sukar melakukan penguatkuasaan, katanya.

Tambahan lagi, katanya, banyak undang-undang baru diwujudkan kebelakangan ini.

"Kerajaan negeri mahu Ikram jadi penguat kuasa. Selama ini, mereka memberikan kita laporan teknikal, saya fikir mengapa mereka tidak melakukan kuat kuasa.

"Kalau mahu latih pegawai PBT atau jurutera sedia ada, mungkin ambil masa lima enam tahun. Jadi, kita mahu gunakan sumber yang ada untuk mempercepat tindakan," katanya pada sidang media selepas mempenyerusikan mesyuarat mingguan Exco, di sini, semalam.

Dr Mohamad Khir berkata, Ikram

akan memberikan surat kepada Yang Dipertua PBT berkaitan supaya mengambil tindakan termasuk menghalang projek pembangunan di kawasan sensitif.

Mengakui Ikram belum memberi persetujuan berkenaan perkara itu, beliau berkata, Unit Cerun yang baru ditubuhkan Jabatan Kerja raya (JKR) pula menjadi pemantau dan memberi nasihat kepada kerajaan negeri.

Katanya, kerajaan negeri akan membayar kepada Ikram atas tugas barunya itu tetapi mereka tidak boleh terbabit dalam mana-mana projek berkaitan pembangunan kawasan sensitif.

"Penguatkuasaan begini mengelakkan gelagat pemaju yang suka langgar peraturan kerana menyedari penguatkuasaan PBT selama ini longgar terhadap mereka," katanya.

Dr Mohamad Khir juga menekankan kepentingan Pusat Latihan PBT bagi mendedahkan pegawai terhadap akta kerajaan tempatan dan undang-undang lain termasuk alam sekitar.

"Saya lihat inilah kelemahan pentadbiran PBT di Selangor dan mana-mana negeri lain kerana tiada pusat latihan khas. Itu sebabnya, kita tubuh pusat sebegini," katanya.